



KENYATAAN AKHBAR Untuk Siaran Segera

PENUTUPAN SEMENTARA LEBUHRAYA LEKAS BERMULA JAM 5.00 PETANG (11 OKTOBER 2025) SEHINGGA JAM 4.00 PAGI (12 OKTOBER 2025) SEMPENA *RHB LEKAS HIGHWAY RIDE 2025* (EDISI KE-10)

Kajang, 10 Oktober 2025 – Lebuhraya Kajang–Seremban Sdn Bhd (LEKAS) ingin memaklumkan bahawa satu penutupan penuh sementara Lebuhraya LEKAS (E21) akan dilaksanakan dari jam 5.00 petang pada 11 Oktober 2025 (Sabtu) hingga jam 4.00 pagi pada 12 Oktober 2025 (Ahad). Penutupan ini bagi memberi laluan kepada acara berbasikal malam tahunan kami, RHB LEKAS Highway Ride 2025, yang kini memasuki edisi ke-10 sebagai acara berbasikal malam utama di Malaysia.

Acara tahun ini akan menyaksikan penyertaan 6,017 orang peserta dari 23 negara, mencerminkan pertumbuhan berterusan dan daya tarikan antarabangsa acara berprestij ini.

Ketua Pegawai Eksekutif LEKAS, Ts. Hajah Wan Salwani binti Wan Yusoff, berkata, “LEKAS telah memperoleh semua kelulusan yang diperlukan daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk bertindak sebagai penaja tempat, serta mendapat pengiktirafan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi pelan pengurusan trafik yang melibatkan penutupan penuh lebuhraya. Kelulusan turut diterima daripada Pesuruhjaya Sukan Malaysia untuk penganjuran acara berbasikal ini.”

Beliau turut menambah bahawa kira-kira 9 persimpangan melibatkan 20 laluan masuk dan keluar akan ditutup sepanjang acara berlangsung bagi memastikan perjalanan yang lancar dan selamat untuk semua peserta. Penutupan ini meliputi jajaran dari Persimpangan Kajang Selatan hingga ke Persimpangan Paroi.

“Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas kerjasama dan sokongan mereka dengan menyediakan pegawai dari Kajang, Semenyih, Nilai, Mantin, dan Seremban bagi membantu menguruskan lalu lintas serta memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya sepanjang tempoh penutupan,” katanya.

Bagi mengurangkan kesulitan kepada pengguna jalan raya, laluan alternatif telah dikenal pasti untuk digunakan sepanjang tempoh penutupan. Setelah penutupan bermula, pengguna dari arah utara dan selatan yang datang dari Kuala Lumpur, Cheras, Kajang, Seremban, Senawang, dan Kuala Pilah dinasihatkan menggunakan Laluan Persekutuan 1 atau Lebuhraya Utara–Selatan (PLUS) untuk meneruskan perjalanan. Peta laluan alternatif turut dilampirkan untuk rujukan.

Pengguna jalan raya dinasihatkan agar mematuhi semua arahan keselamatan trafik dan merancang perjalanan lebih awal. Untuk maklumat dan bantuan terkini, sila rujuk saluran berikut:

Platform	Maklumat
X (Twitter)	@LEKAStrafik
Facebook	LEKAS Highway
Instagram	@lekashighway
Infoline	1-800-88-8021

Pihak LEKAS ingin memohon maaf di atas segala kesulitan yang dihadapi oleh para pengguna lebuhraya.

-Tamat-

10th Edition

RHB LEKAS Highway Ride 2025

PENUTUPAN SEMENTARA LEBUH RAYA LEKAS

11 Okt. 2025 (Sabtu, 5.00 ptg.)
hingga
12 Okt. 2025 (Ahad, 4.00 pg.)

SEGALA KESULITAN AMAT DIKESALI.
SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:
1-800-88-8021

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi: -

Shah Rizal Mohamed Fawzi

Pengurus Komunikasi Korporat
Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd
Plaza Tol Kajang Selatan
KM 3.3, Lebuhraya Kajang-Seremban
43500, Semenyih
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03 8723 8021 | Fax: 03 8723 0021

Emel: srizalmf@ijm.com

Siti Sarah Maarof

Eksekutif Kanan Komunikasi Korporat
Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd
Plaza Tol Kajang Selatan
KM 3.3, Lebuhraya Kajang-Seremban
43500, Semenyih
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03 8723 8021 | Fax: 03 8723 0021

Emel: sitisarah@ijm.com

Mengenai Lebuhraya Kajang–Seremban Sdn Bhd

Latar Belakang Syarikat

Lebuhraya Kajang–Seremban (LEKAS) menyediakan laluan alternatif dari Kajang ke Seremban, Senawang dan Kuala Pilah. Lebuhraya sepanjang 44.3 km ini bermula dari Kajang Selatan di Selangor dan berakhir di Paroi, Negeri Sembilan. Terdapat sembilan persimpangan di sepanjang laluan ini iaitu di Kajang Selatan, Semenyih, Eco Majestic, Pajam, Mantin, Setul, Ulu Temiang, Jelevu dan Paroi. Selain berfungsi sebagai laluan alternatif kepada Lebuhraya PLUS, pengguna juga dapat menikmati akses mudah ke beberapa lokasi menarik seperti Mantin, Bukit Broga, Air Terjun Jeram Toi, Ladang Burung Unta di Jelevu, Istana Seri Menanti serta Kelab Golf Antarabangsa Seremban. Dua kawasan Rehat dan Rawat (R&R) turut disediakan di kedua-dua arah laluan di Beranang, antara Persimpangan Eco Majestic dan Pajam.

Maklumat Laluan

- *Dari Kuala Lumpur, lebuhraya ini menawarkan laluan yang mudah untuk ke Kuala Pilah serta negeri Pahang dan Johor.*
- *Untuk memasuki Lebuhraya LEKAS, pengguna boleh mengambil Exit 1804A yang boleh diakses dari Lebuhraya SILK, Lebuhraya Cheras–Kajang (Grand Saga) dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) ke arah Lebuhraya SILK.*
- *Dari Lebuhraya Utara–Selatan (PLUS), pengguna boleh memasuki Lebuhraya LEKAS melalui Exit Kajang 210 berhampiran Country Heights melalui Lebuhraya SILK ke arah Seremban, Kuala Pilah, Melaka dan Johor.*
- *Dari MRR2, akses ke lebuhraya ini boleh dibuat melalui Lebuhraya Cheras–Kajang (Grand Saga).*
- *Dari arah selatan, pengguna juga boleh memasuki Lebuhraya LEKAS melalui Exit Senawang 220, Exit Port Dickson 219 dan Exit Nilai/Pajam 215 di Lebuhraya PLUS.*
- *Seremban turut boleh diakses melalui Setul, Paroi dan Ampangan.*

**PETA LALUAN ALTERNATIF SEMPENA PENUTUPAN SEMENTARA LEBUH RAYA LEKAS SEMPENA PENGANJURAN RHB LEKAS HIGHWAY RIDE 2025
5:00PM (11.10.2025) – 4:00AM (12.10.2025)**

